



BAB

BRUARIA

BAB I

BAHASA ARAB : SEJARAH, KEDUDUKAN DAN KEPENTINGANNYA

Pendahuluan

Bahasa Arab adalah di antara bahasa yang utama di dunia. Asal-usul perkembangannya tidak dapat dipastikan dengan tepat. Walau bagaimanapun kedudukannya di mata masyarakat dunia tetap tinggi kerana ciri-ciri dan pengaruh bahasa itu sendiri. Disamping itu juga ia memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan manusia terutamanya masyarakat Islam di dunia sebelum ini, sekarang dan di masa akan datang.

1.1 Sejarah perkembangan Bahasa Arab.

Ulama' Bahasa Arab bermesisih pendapat tentang asal mulanya Bahasa Arab. Ini disebabkan tiada rekod yang menyebut tentang perkara itu. Atau jika adayun, terlalu sedikit. Di samping itu tiada pula sebuah perbincangan dilakukan oleh ulama' masa kini untuk mencungkil sebarang maklumat yang mungkin tersembunyi.¹

Antara pendapat ulama'-ulama' itu ialah:-

1. Bahasa Arab yang digunakan masa lalu berasal dari Bahasa Samiat². Falta ini diambil dari carta perkembangan bangsa-bangsa... yang terlukis di dalam Kitab Taurat.³

Ustaz JurjI⁴ yang menyokong pendapat di atas berpendapat bahawa Bahasa Arab dan Bahasa Samiat bersamaan dari segi isytihadonya⁵, aqifnya⁶ dan makna lafaznya. Taurat menunjukkan bahawa pada kurun ke 12 sebelum

masih, orang-orang Isrā'īl memahami perkakahan orang-orang Sina' dan kerajaan Sab' memahami bahasa Nabi Sulaiman tanpa memerlukan menterjemahan.⁷

2. Bahasa Arab telah wujud sejak zaman Nabi Adam lagi samada ketika ia terada di dalam surga ataupun selepas ia keluar dari padanya. Bahkan wajuti ada mengatakan bahawa Nabi Adam adalah orang yang pertama menulis dengan tulisan Arab di dalam buku-bukunya, selama 300 tahun sebelum kewafatannya.⁸

3. Ada pula yang berpendapat bahawa Bahasa Arab berasal sebagaimana bahasa-bahasa yang lain juga dari kebiasaan mendengar bunyi suara sehingga tercipta kalimah-kalimah yang boleh difahami dan akhirnya terhantuklah satu bahasa yang dikenali sebagai Bahasa Arab.⁹

Pendapat yang pertama adalah yang termashyur. Menurut Syeikh Hādīr Ḥusain, sejarah yang paling mutakhir sendiri menunjukkan bahawa asal mula Bahasa Arab adalah dari Bahasa Sāmiyat.¹⁰ Tambahan pula hanya Bahasa Arab yang paling banyak mengelakkkan ciri-ciri Bahasa Sāmiyat dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain dari cabangan Bahasa Sāmiyat, seperti Bahasa Arāmī (عَرَمِي), Syīriā (سُورِيَّا) dan 'Ibrani.¹¹

Bahasa Sāmiyat terbahagi kepada dua bahagian:-

1. Bahagian utara.

Bahagian ini meliputi Bahasa Syām Barat. Ia kemudiannya terbahagi nula kepada dua bahasa yang asas iaitu Kan'āniyat dan Arāmiyat. Bahasa Kan'āniyat terbahagi pula kepada lima bahasa: Aujaritiyat, Kan'āniyat lama, Mu'ābiyat, Finīqiyat dan 'Ibriyat lama.¹²

Sementara itu Bahasa Arāmīat adalah sebahagian bahasa yang mula-mula terdapat di Utara Syīriā. tetapi selepas beberapa lama bahasa ini tidak lagi menjadi bahasa pertuturan. Bahasa-bahasa lain yang pernah wujud di sini ialah Bahasa Arāmīat lama. Yang menjadi bahasa pertuturan di sekitar kurun ke sepuluh dan lapan sebelum masihi. Terdapat juga Bahasa Atṣūriyat, Bābiliyat, Nibqiyat, Sāmariyat dan Sirriāniyat.¹³

.. Bahagian selatan.

Perkembangan bahasa ini boleh dipecahkan kepada dua:-

i. Bahasa Arab selatan yang juga dikenali sebagai Bahasa Al-Hamīriyat. Penuturnya di kawasan Yaman dan selatan Semenanjung Tanah Arab. Dari Bahasa Al-Hamīriyat wujud pula Bahasa Ma'īnīyat, Sabā'iyat, Hadramiyat, Qutbaniah dan Habasyiah yang menjadi bahasa pertuturan di sekitar kurun ke 12 sebelum masihi sehingga kurun ke 11 sebelum masihi.¹⁴

ii. Bahasa Arab utara biasa dituturkan di kawasan tengah dan utara Semenanjung Tanah Arab. Ia kemudiannya terbahagi pula kepada Bahasa Arab Ba'idiyat, Lihyamiyat, Thamudiyat dan Safaitic yang telah luput dari pertuturan lidah orang-orang Arab. Sementara Bahasa Arab Baqiat masih tetap hingga kini dan dikenali sebagai Bahasa Arab Fusha.¹⁵

Samlat

timarbiat

Syndrome

(al-Akdiyat dan al-Muwaariqat)

JanUbiat

SYNTHETIC

At Tora's

Farniat

Ibriat Finiqiat Mu'ebiat Kan'aniat Ajaritiat
Qadimat lana

'Arabiat Syimaliat
('Arabiat Fusha)

**Arabiat
Janūbiyat
(al-Hamīriyat)**

Habasyiet **Qutbaniet** **Hadhramiat** **Saba'iat** **Ma'Iniat**

'Arabiat Rāqiat

'Arabiat Ba' idat

Safaitiat

Thamūdiyat

Lahyānjat

Tamiat Hijaziat

1.2 Sejarah perkembangan pengetahuan Bahasa Arab.

Kesan sejarah yang paling awal tentang Bahasa Arab dapat dilihat di batu nisan yang dijumpai di Mesara, Gurun Syria. Batu itu ditulis pada tahun 328 M. Terdapat juga beberapa inskripsi dari tinggalan turun ke 5 dan 6 yang ditulis dalam Bahasa Arab.¹⁷

Pada awal turun ke 7, Al-Qur'an telah diterunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Ia adalah dokumen bertulis dalam Bahasa Arab yang masih wujud hingga kini. Bahasa yang digunakan di dalamnya adalah Bahasa Poetic Corpus di turun ke 6.¹⁸

Selepas 700 M, orang-orang Islam telah menguasai kawasan yang luas dari Sepanyol hingga ke Timur Persia. Ini mengakibatkan Bahasa Arab juga tersebar, kerana komunikasi sahaja Al-Qur'an perlu atau dibawa, maka di situ lah Bahasa Arab akan mengikut sama. Walau bagaimanapun, perhubungan orang-orang Arab dengan 'ajam ini mengakibatkan masalah pencemaran Bahasa Arab. Orang-orang yang baru mewujud agama Islam sering kali melakukan kesalahan dalam sebutan, nahu dan bacaan ayat Al-Qur'an. Perkembangan ini sangat membimbangkan. Saidina Ali cuba membendung masalah ini dengan mengusahakan satu pengkajian Bahasa Arab.¹⁹

Ada kemungkinannya pengkajian Bahasa Arab ini telah bermula lebih awal lagi dari zaman kebangkitan Islam, tetapi pengetahuan kita tentang period itu sangat terbatas. Hanya setelah terwahyunya Al-Qur'an, umat Islam yang bertaqwa mula merasai bimbang bahawa Al-Qur'an akan menerima nasib yang sama seperti kitab-kitab Allah sebelumnya

yang telah diubah iaitu dan maksudnya. Dengan itu umat Islam telah melipat gandakan lagi usaha-usaha pengajian Bahasa Arab.

Permulaan pengajian Bahasa Arab yang diketahui dari sejarah ialah di pertengahan kurun ke 7H iaitu di zaman Khalifah 'Ali bin Abi Talib.²⁰ Sebahagian ahli sejarah menamakan 'Ali bin Abi Talib sebagai pelopor kepada pengajian ini. Tetapi agak ramai juga yang menamakan Abu Al-Aswad Al-Du'ali yang hidup dizaman 'Ali bin Abi Talib sebagai pelopor kepada pengajian ini. Ada pula sebahagian ahli sejarah menamakan 'Isa ibnu 'Umar Al-Thaqafi sebagai pelopor, tetapi buku-buku ini jauhnya dikatakan hilang semasa hayatnya lagi.²¹

Bagi mereka yang berpendapat bahawa Saidina Ali sebagai pelopor merindu bahawa beliau pernah menerintah Abu Al-Aswad Al-Du'ali supaya membuat kaedah Bahasa Arab yang boleh dijadikan panduan oleh umat Islam di masa itu.²²

Ibnu Khalikan berkata bahawa pada azalinya Saidina 'Ali menerintahkan Ziyad supaya bertemu dengan Abu Al-Aswad Al-Du'ali dan memintanya membuat kaedah Bahasa Arab. Abu Al-Aswad telah menolak permintaan ini pada mulanya tetapi telah bertukar fikiran kemudiannya dan sanggup pula untuk menerima perintah Saidina 'Ali setelah mendengar bacaan yang salah dari salah seorang pembaca Al-Quran. Ia meminta seorang penulis yang cekap yang boleh menulis kaedah itu berdasarkan sebutannya.²³

Selaras Abu Al-Aswad, pengajian Bahasa Arab ini diteruskan dari satu generasi kepada generasi yang lain. 'Anbasah menyambung

pengkajian Bahasa Arab selepas Abu Al-Azwaad. Selepas itu Ma'awn Al-Aqraan kemudian Ibnu Abi Ishāq kemudian 'Iса bin 'Umar kemudian Al-Khalil dan selepas itu Sibawayh. Sibawayh telah digolong sebagai bapa Bahasa Arab kerana dia adalah orang yang mula-mula sekali membuat kajian tentang Bahasa Arab secara sistematis. Analisaanya tentang phonetic sangat tepat dan menyerupai analisa phonetic yang dijumpai oleh orang-orang barat di zaman ini.²⁴

Kesimpulannya kita dapat bahawa Bahasa Arab mempunyai rentetan sejarah yang panjang, bermula dari zaman pra sejarah hingga ke masa ini.

1.3 Kedudukan Bahasa Arab.

Kedudukan bahasa-bahasa di dunia ditentukan oleh berbagai-bagai faktor seperti ketamadunan bangsa itu sendiri, agama, kebudayaan, penutur yang ramai dan sebagainya menurut pandangan setiap individu.

Bahasa Arab menduduki tempat yang tinggi di antara bahasa-bahasa bertuturan di dunia sejak zaman pertengahan.²⁵ Tetapi walaupun orang Islam mula lemah dan dunia dikuasai oleh orang-orang Kristian, Bahasa Arab telah tidak lagi dianggap sebagai bahasa antarbangsa yang diiktiraf sehingga beberapa tahun kebelakangan ini.

Kedudukan ini tidak dapat tidak terpaksa diberikan semula kepada Bahasa Arab kerana bilangan penuturnya yang ramai. Ia dituturkan oleh hampir satu ratus juta orang yang menduduki kawasan Timur Tengah. Menjadi bahasa resmi bagi negara Morocco, Algeria, Tunisia, Libya,

Egypt, Sudan, Saudi Arabia, Yemen, Kuwait dan sebagainya. Disamping itu ia juga menjadi bahasa 'lindat' bagi sebauh negara-negeri Muslim yang mempunyai populasi penduduknya lebih dari empat ratus juta orang.²⁰

Selain daripada itu, Bahasa Arab juga mempunyai berbagai-bagai ciri lain yang tidak dipunyai oleh mana-mana bahasa lain. Orang-Arab umumnya dan orang-orang Islam khasnya menganggap Bahasa Arab sebagai suatu bahasa yang suci dan di hormati. Orang-orang berat pula melihatnya sebagai satu buaha yang menakjubkan.²¹

Bahasa pertuturan Rasulullah ini adalah bahasa kebudayaan, ilmu dan agama sekali gus. Tidak seperti bahasa lain yang mewakili satu-satu aspek sahaja dari ciri-ciri yang menyeluruh. Contohnya Bahasa Perancis dan Inggeris hanya mewakili aspek kebudayaan sahaja.²²

Manusia dari berbagai-bagai bangsa di dunia berusaha untuk mempelajarinya dan menerimanya sebagai bahasa pertuturan. Ini bukanlah suatu yang menghairankan kerana kalimat-kalimat Arab telah banyak masuk kedalam bahasa-bahasa yang pelbagai seperti Sepanyol, Urdu, Malaysia, Indonesia, Turki, Parsi dan lain-lain lagi. Semenjak pulak pengkajian bahasa dan kebudayaan seperti ini adalah amat penting.²³

Sejak berzaman dahulu orang-orang Arab sendiri telah berminat untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi setiap aspek Bahasa Arab seperti fungsiannya dalam pengajaran agama dan perlaksanaannya, kedudukannya dalam masyarakat dunia, pembelajarannya dan sebagainya. Ini adalah disebabkan Bahasa Arab seperti mempunyai kesan sihir ke

atai manusia. Perkataan, percakapan dan penulisan Bahasa Arab memberi kesan yang kuat kepada hati pendengarnya. Tidak ada bahasa yang lain di dunia ini yang mampu menguatkan posisi atau penuturnya sehinggaimana Bahasa Arab.¹⁰

Allahiah yang telah menciptakan rasa kasih sayang terhadap halusai ini ke dalam hati-hati manusia kerana hikmah-hikmah yang tentu yang tersembunyi dari pengetahuan makhluknya.

1.4 Kepentingan Bahasa Arab didalam Islam.

Di dalam salah satu wassat klassen Al-Bairu, ia ada menyebutkan supaya setiap umat Islam hendaklah mengorbankan seluruh kesenjangan dan kesungguhan mereka untuk mempelajari Bahasa Arab Fusha dan menggunakan dalam semua urusan kehidupan kerana menganggapnya sebagai salah satu syiar Islam. Jika kita lihat dari pelbagai sudut dan aspek maka kita akan dapat pada setiap satunya, Bahasa Arab mempunyai kepentingan dan pengaruhnya yang tersendiri.¹¹

1.4.1 Bahasa Arab sebagai bahasa agama.

Kepentingan Bahasa Arab yang dilihat dari sudut agamanya, adalah atas sifatnya sebagai bahasa Al-Quran dan Al-Hadith. Kedua-dua bentuk waliyu Illahi itu adalah sumber hukum dari nalarang kepada agama Islam yang syamil.¹² Umat manusia di seluruh dunia melaksanakan ibadat khususiah dengan menggunakan Bahasa Arab. Mereka juga cuba memahami Al-Quran dan Al-Hadith yang dilafazkan dalam Bahasa Arab ketika melaksanakan ibadat. Tanpa peribadatan di dalam Islam yang ditunjangi

1.1. Ia dua-dua cenderung itu tadi, Bahasa Arab tentu tidak dapat dilakukannya dirinya di tempat yang setinggi setarang ini di hati batinnya.

Allah ada menjelaskan di dalam Al-Qur'an, perkaitan antaraanya dan bahasa Arab yang rapat. Ia juga menunjukkan tentang perihal pentingnya bahasa Arab untuk kita pelajari agar manusia dan Al-Qur'an menjadi Antarunya -

قُرْآنًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عُوْجُوكَ لِغَائِبَةٍ بَشَّارَوْتَ.

Bermaksudi: Ia itu Al-Qur'an yang berbahasa Arab yang tidak mengandungi keterangan yang terpesong supaya mereka bertanya.²²

إِنَّ أَنْزَلَهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِغَائِبَةٍ شَفَّارَوْتَ.

Bermaksudi: Sesungguhnya Kami turunkan kitab itu sebagai Qur'an yang dibaca dengan Bahasa Arab supaya kamu (menggunakan agak intiuk) memahaminya.²³

وَسَعْدَكَ أَنْزَلَهُ كَذَّابَةٍ عَرَبِيًّا.

Bermaksudi: Dosaiklah kalau telah turunkan Al-Qur'an sebagai peraturan (yang benar) dalam Bahasa Arab.²⁴

وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ شَبِّيْهٌ

Bermaksudi: Sedang Al-Qur'an ini Bahasa Arab yang fasih nyata.²⁵

Sejatilah juga ada memperlihatkan perihala yang sama didalam hadithnya;

أَحَبُّ الْأَرْبَعَةِ لِثَلَاثَةِ: لَا يُّنَزَّلُ عَرَبِيًّا وَالْقُرْآنُ عَرَبِيٌّ وَمُهَاجِلُ الْجَنَّةِ عَرَبِيٌّ.

Bermaksudi: Aku menyukai Bahasa Arab kerana tiga perkara: kerana keluargaku dari bangsa Arab, Al-Qur'an di dalam Bahasa Arab dan percakapan ahli syurga ialah dalam Bahasa Arab.²⁶

Para sahabat-sahabat Rasulullah seperti Abu Bakar Al-Siddiq dan 'Umar

dan sebagainya juga ada memperkatakan tentang Bahasa Arab.

Athar dari Abu Bakar Al-Siddiq;

لَأَنَّ قُرْءَانَ فَاسِقٌ طَاغِيٌّ إِنْ مَنْ أَتَهُ أَثْرًا فَالْأَثْرُ

Bermaksud: Aku lebih suka tidak menyebut (menjetuhkan sebutan) tetapi membaca daripada aku membaca dan salah kecuali nafunya.²⁹

Athar dari 'Umar bin Al-Khatib;

تَعْلَمُوا الْأَرْبَابَةَ فَإِنَّمَا مِنْ دِينِكُمْ

Bermaksud: Pelajarilah Bahasa Arab kerana ia adalah sebahagian daripada agamamu.³⁰

Dari dalil-dalil di atas, kita dapat melihat hubungan yang erat

antara ayat Al-Quran, Hadith dan Athar dengan Bahasa Arab.

Pengetahuan Bahasa Arab yang kuat adalah perlu untuk memahaminya.

1.4.2 Bahasa Arab sebagai bahasa ibadat.

umat Islam di seluruh dunia kini mencapai 900 juta orang. Mereka menerima Al-Quran dan Hadith yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w itu dalam bentuk yang hidupan mereka. Perilaku yang standarkan kepada kedua-dua wahyu Allah itu, jika mencakupi syarat-syaratnya yang diakui syarak, seperti amalan dikerjakan dengan niat baik dan ikhlas hanya kepada Allah s.w.t semata-mata dan ini disebut sebagai ibadat.³¹

Menurut Ibni Teymiyah: Ibadat mencakupi semua ruang lingkup hidupan kita dari adab-adab makan dan pergaulan hingga isyarat kepada penggunaan negara Islam dan pembentukan politik.³²

Dardjwi menjelaskan bahawa manusia bukan hanya kulit dan jisim

sebagaimana yang dapat dilakukan oleh makhluk manusia. Tetapi manusia juga mempunyai ruh yang menjadikan dirinya mulia dan untuk sebagai Khalifah di muka bumi ini. Oleh itu manusia bukan hanya memerlukan matlamat dan minuman untuk menguatkan tubuh berdannya ia juga ibadat khusus untuk menguatkan ruhnya.⁴⁰

Sebagaimana yang kita sediakan dalam surah ini perlakuan ibadatan di atas adalah menerusi Bahasa Arab kerana semuanya sumber pengetahuan untuk perlaksanannya adalah Al-Quran dan Hadith yang disampaikan kepada kita dalam Bahasa Arab. Pergatalan yang dilakukan tidak akan membawa semua peribadatan yang dilakukan kepada pihak dan ketundukan hanya kepada Allah yang Maha Esa dan tidak berarah ke sempurnaan sebagaimana yang dituntut di dalam Islam.

Sembahyang misalnya, memerlukan pemahaman kepada setiap bacaan kita lafazkan untuk mendapat kekhusukan sedangkan letih bukan itu adalah syarat kepada penerimaan sembahyang di sini Islam. Pemahaman ayat dapat dirasakan setelah mempelajari Bahasa Arab.⁴¹

Turut Allah ada menyebutkan;

لَيْسَ الَّذِينَ نَاصُوا لَا يَكُرِهُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتَمْ تَعْرِفُونَ قُلْ شَهِدُوا مَا تَوْلَوْنَ.

bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya), sedang kamu dalam keadaan mabuk hingga kamu sadar dan mengetahui akan apa yang kamu perlakukan.⁴²

Ayat di atas menunjukkan tahawa kekhusukan itu wajib ketika sembahyang. Seorang yang tidak sedar terhadap apa yang dibacanya dalam sembahyang, samalah seperti orang yang mabuk kerana minum minuman. Ia tidak sedikit pun memahami apa yang dilafazkannya. Menurut

“Orang yang tidak menyadari ana yang dilafazinya, semasa merti yang sedangkan ia tidak sabut kerana emosi atau malah kerana tidak dan lalai dengan nafsunya dan sifatnya yang kejatuhan yang akan

menyebabkan.

1.4.3 Bahasa Arab sebagai bahasa resmi.

Setiap kaum mempunyai bahasanya yang tersendiri, yang ingin dipelihara dan diperkembangkan. Itu sebabnya kita dapat di setiap negara terdapat bahasa resminya sendiri yang cuba diperkenalkan dari leluhur. Ia seringkalinya dikatakan sebagai ensiklo yang boleh menghubungkan masyarakat se sebuah negara yang sudah tentu mempunyai perbezaan dari berbilang bangsa dan bahasa.

Agama Islam adalah agama persatuun. Umatnya satu ini menyembah Tuhan yang Esa, walaupun di mana juapun mereka berada dan apa pun yang mereka kerjakan. Firman Allah s.w.t;

إِنَّ فِلْوَادَةً مُّتَكَبِّرَةً وَجَدَهُ وَلَا يَرِيْكُمْ فَاغْتَسِلُونَ .

beraksudi Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya dan Akulah Tuhan kamu, maka sembahlah kamu akan Daku.⁴⁵

Di samping bahasa setiap bangsa yang wujud di seluruh dunia, hanya mempunyai bahasa resminya sendiri iaitu Bahasa Arab. Dengan bahasa yang satu ini umat Islam dapat merasakan tali perpaduan yang kuat di antara satu sama lain berdasarkan kepada ikatan yang tulus dan kuat di seluruh dunia, yang tidak dimiliki oleh manapun juga pun dalam jumlah.

Terdapat pertentangan perihal tentang resmi atau tidaknya Bahasa Arab ini di kalangan umat Islam. Setengah "lama" berpendapat bahawa Bahasa Arab bukanlah bahasa resmi bagi umat Islam, berdasarkan ayat Al-Quran yang berbunyi;

**وَمِنْ نَارِهِ مُخْلَقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَخَلَقَ الْجِنَّاتَ
وَالرَّاجِفَةَ إِذْنَهُ لَهُتْ لَا يَتَّبِعُ الظَّاهِرَاتَ .**

bermaksud: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan kebijaksanaannya ialah kejadian langit dan bumi dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan bagi orang-orang yang mengetahui.⁴⁷

Walau bagaimanapun, Sa'id Hava ada menyatakan bahawa syair di atas tidak membuktikan bahawa Bahasa Arab bukanlah bahasa resmi. Bahasa ini pada setiap bangsa sememangnya wujud dan tetap diakui tetapi ia terletak di tempat ke dua selepas Bahasa Arab,⁴⁸ yang merupakan Bahasa Agama Islam itu sendiri. Sudah tentu keutamaan mesti diberikan pada kepentingan agama melebihi kepentingan kaum atau bangsa.

1.4.4 Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu.

Bahasa Arab adalah bahasa ilmu dan kemajuan. Telah banyak ilmu dari bahasa lain seperti Yunani, Hindi dan sebagainya yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab. Kebangkitan filiran di kalangan Islam di zaman pemerintahan Abbasiyah pertama (750-754) adalah kerana kegiatan penterjemahan yang luas. Di antara buku penterjemahan yang terkenal pada masa itu ialah Kalilah Wa Dimnah yang berasal dari India. Sanskrit tetapi telah diterjemahkan ke Bahasa Perancis dan India ke Bahasa Arab. Terdapat juga penterjemahan tentang ilmu

halil dari Bahasa India bernama Sindhanta dan sebuah buku mengenai Matematik ke dalam Bahasa Arab.⁷⁰

Kitab-kitab besar karangan ulama'-ulama' Islam yang terkenal dalam pelbagai skop pengajian seperti Fiqh, Tauhid, Tasawuf, Falsafah dan sebagainya, adalah sumber penting untuk mengetahui dan mengenali Islam dan semuanya telah ditulis dalam Bahasa Arab.⁷¹ Antara kitab-kitab besar itu ialah Tafsir At-Jabari yang menghimpunkan di dalamnya sejuta leistungswan karya-karya dari tokoh tafsir sebelumnya, Al-Qurtuba, karangan imam Malik, dan buku Al-Kharaj yang mengandungi perincian tentang sistem ekonomi negara menurut ajaran Islam.⁷²

Sejapa yang tidak berusaha untuk mempelajari Bahasa Arab bererti mengabaikan ilmu pengetahuan Islam. Penerjemahan walaupun dilakukan dengan bersungguh-sungguh, tetap tidak dapat menggambarkan maklumat utama yang ingin disampaikan oleh penulis asal. Penerjemahan biasanya diambil dari kefahaman atau fikrah sesuatu tulisan itu sahaja, sedangkan penulisan menggunakan Bahasa Arab seringkali menyimpan rahasيا-rahsia yang tersirat di dalam pengalihannya walaupun usiubahnya untuk menyokong sesuatu fikrah atau kefahaman di dalam sesuatu tulisan itu.⁷³

Misalnya

زید المطلق
المطلق زید

dua-dua ayat memberi maksud bahawa Zaid telah pergi. Tetapi sebenarnya terdapat perbezaan di antara keduanya. Ayat yang pertama, pendengar telah mengetahui dengan jelas bahawa Zaid yang pergi. Tidak

pertanyaan di sanubari pendengar, adakah Zaid ataupun 'Umar yang pergi.

Ayat yang ke dua (النَّاطِقُ نَوْمٌ) menunjukkan bahawa pendengar melihat seorang manusia telah pergi dari jauh tetapi tidak jelas samada Zaid ataupun 'Umar yang pergi. Orang yang menuturkan ayat ini atas talah menjelaskan kepada pendengar bahawa Zaidlah yang telah pergi.⁶³

Sebenarnya manusia telah bersejutu mendapat sejak datulu lagi yang kepentingan mempelajari Bahasa Arab dalam pembelajaran yang berkaitan dengan ilmu-ilmu Islam atas alasan boleh digantikan dengan proses penterjemahan.⁶⁴ Pendapat ini telahpun diperlakukan oleh mu'jah-hujjah yang telah disebutkan diatas.

Walaupun wujud beberapa penterjemahan yang baik, bilangannya amat sedikit berbanding dengan banyaknya ilmu-ilmu Islam yang telah ditulis sejak dari zaman Rasullullah hingga kini. Imam Sāyīṭ sahaja telah menulis lebih daripada 500 buah buku dalam pelbagai bidang ilmu dan kita telah sedia maklum bahawa ulama'-ulama' Islam adalah terlalu ramai.⁶⁵

Kita juga dapat bahawa sumber utama ilmu-ilmu Islam iaitu Al-Quran, tidak akan dapat digantikan dengan penterjemahan untuk selama-lamanya kerana Allah telah menurunkan ayat-ayat Al-Quran kepada manusia dengan sifat bahasa yang i'jaz. Gaya bahasa dan susunan ayatnya sangat indah dan tidak akan dapat ditiru oleh seniapa juga dari kalangan manusia dan jin.⁶⁶

Kesimpulannya kita dapat bahawa kita sepatutnya mempelajari Bahasa Arab atas dasar hubungannya yang sangat rapat dengan kehidupan umat Islam. Ia adalah bahasa yang digunakan didalam Al-Qur'an, Hadith, Ibtah-kitab utama (امهات الكتب), kata-kata shahabat dan juga bahagia bagi kebanyakan buku-buku ilmiah Islam yang ditulis oleh 'Imam'-ulama' Islam walaupun mereka bukan dari kalangan manusia Arab. Ini adalah kerana penggunaan istilah-istilah Islam yang diterjemahkan, tidak mungkin mencapai kepada nilainya, iaitu sebenar, akur, mana yang dapat dihasilkan dengan penggunaan Bahasa Arab.

Nota Kaki

1. Dr. Tawfiq Muhammad Syâhîn, 'Awâfi'l Tarbiyat Al-lughat Al-'Arabiyyah, Cahirah: maktabah wa'ibah, 1980 .m.s 35.
2. Istilah yang dipatenkan oleh Schlozer disekitar tahun 1781.
3. Dr. Jûdat ar-Rukâbî, Ifrûq Iadrîs Al-lughat Al-'Arabiyyah, Denbyiki: 1973 .m.s 11.
4. Ustaz Jûrjî Zayden adalah seorang uusterawan Mesir dan ahli sejarah bangsa Arab. Beliau beragama Kristian dan idea-idea penulisannya banyak menjurus kepada pandangan orientalis. Antara buku-bukunya yang terkenal ialah Târîh Al-lughat Al-'Arabiyyah dan Târîh adab.

Istyiqâq bermaksud mencabut atau mengambil satu kalimah dari kalimah yang lain dan bersesuaian di antara kedua-duanya dari segi inti dan makna. Misalnya Dari Magdar السُّمْعَ dilistiqâqkan kepada fi'il madi menjadi سَمِعٌ, isim fa'il menjadi سَمِيعٌ.

Tagrîf ialah perubahan yang berlaku pada pembinaan kalimah-kalimahnya.

5. Dr. Tawfiq Muhammad Syâhîn; Op cit, m.s 39.
6. Ibid . m.s 37.
7. Ibid . m.s 41.
8. Ibid . m.s 35.
9. M.H Bakalla, Arabic culture through its language and literature, London: Kegan Paul International Limited, 1984 . m.. 6.
10. 'Usman bin Haji Khalid, "Al-lughat Al-'Arabiyyah Ma 'hâjâsuhâ Al-Farîdat", (kertas kerja seminar Bahasa Arab yang berlangsung pada 21-23 November 1986 di Akademi Islam Universiti Malaya). m.s 9.
11. Ibid . m.s 9.
12. Ibid . m.s 9.
13. Drs. Chatibul Umar, Aspek-aspek fundamental dalam mempelajari Bahasa Arab, Bandung: Offset Bandung, 1980 . m.s 10.
14. Dr. Tawfiq Muhammad Syâhîn , Op cit, m.s 43.
15. A. F. L Beeston, The Arabic language today, London: Hutchinson and Co Ltd. 1970. m.s 12.

13. Ibid . m.s 12.
14. Ibid . m.s xxii.
20. M. H Bakalla , Op cit, m.s 22.
1. A. F. L Booston , Op cit, m.s xxxii.
2. M. H Bakalla , Op cit, m.s 22.
11. Ibid . m.s 22.
4. A. F. L Booston , Op cit, m.s xxxii.
5. Anwar G. Chejne, The Arabic Language, Its Role In History, Great Britain: Oxford University Press , m.s 3.
6. Ibid . m.s 3.
7. 'Uthaan bin Haji Khalid , Op cit, m.s 15.
8. Ibid . m.s 15.
9. Dr. 'Arif K. Abu Khudairi , "Ahammah Al-lughat Al-'Arabiyyah Binnisbati Lil Ummati Al-Islamiyyah", (kertas kerja sininggu Bahasa Arab di Akademi Islam Universiti Malaya 1988), m.s 1.
10. Anwar G. Chejne , Op cit, m.s 3.
11. Hassan al-Bannā, Al-Haqā'iq Al-'Aṣyūr (Sepuluh wasiat, ar-jemahan Aliq Osman) (cetakan ke 3), Kuala Lumpur : Pustaka Sri Im, 1987 : m.s 88.
12. Dr. 'Arif K. Abu Khudairi , Op cit, m.s ?.
13. Surat Az-Zumar, ayat 28.
14. Surat Yusuf, ayat 2.
15. Surat Ar-Ra'd, ayat 37.
16. Surat An-Nahl, ayat 103.
17. Dr. 'Arif K. Abu Khudairi , Op cit, m.s 3.
18. Ibid . m.s 3.
19. Ibid . m.s 3.
20. Abu Urwah (penyusun) , Risalah Uzrah, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1984 . m.s 52.

41. Dr. Yusof al-Gargawi, Al-Ibadat Fil Islām, (cetakan ke 5), Beirut : Muassasat Ar-Risalat, 1977, n.s 51.
42. Ibid . n.s 97.
43. Ibid . n.s 213.
44. Surat An-Nūr ayat 43.
45. Dr. Yusof Al-Gargawi , Op cit, n.s 214.
46. Surat Al-Anbiā', ayat 92.
47. Surat Ar-Rūm, ayat 22.
48. Abdullah Tahmin Abdul Latiff, Ahanniat Al-'Arabiyyah Dirasat Al-Islamiyah (kertas kerja pertama, Seminar Bahasa Arab yang berlangsung pada 21-23 November 1986 di Akademi Islam Universiti Malaya), n.s 24.
49. Prof. Dr. Ahmad Syalabi, Sejarah Kebudayaan Islam, (dilah bahasa oleh Muhammad Labib Ahsan), Singapura: Pustaka Nasional Ltd, 1982. n.s 174-175.
50. Dr. Ishaq Muhammad Rejab dan Ustaz Mahoud Maji Ahmed, Ahanniat Al-Lughat Al-'Arabiyyah Fi Ta'lim Din Al-Islami (kertas kerja Seminar Bahasa Arab di Niles Puri yang berlangsung pada 1-3 Jun 1979), n.s 5.
51. Prof. Dr. Ahmad Syalabi , Op cit, n.s 167-170.
52. Dr. Ishaq Muhammad Rejab , Op cit, n.s 5.
53. Ibid . n.s 6.
54. Abdullah Tahmin Abdul Latif , Op cit, n.s 11.
55. Ibid , n.s 9.
56. Mānnā'u al-Gattān, Nabāhīth Fi-'Ulūm Al-Qurān, (cetak ke 5), Gahrirah : Maktabah Wahbah, Februari 1989. n.s 228.